

# Tempoh rebat UUM berakhir

Hm 20/4/2011 26:5

**A**LOR SETAR: Kerajaan negeri menafikan dakwaan menaikkan cukai tanah Universiti Utara Malaysia (UUM) sebanyak 10 kali ganda iaitu berjumlah RM1.7 juta, sebaliknya menyifatkan bayaran itu perlu dikenakan disebabkan tempoh rebat selama dua tahun sudah berakhir.

Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abd Razak, berkata kerajaan negeri terdahulu, menerusi mesyuarat kerajaan negeri pada 2006 menerima permohonan daripada UUM untuk mengurangkan cukai tanah, lalu diberi rebat kepada RM100,000 dari Januari 2006 hingga Disember 2008.

Menurutnya, ketika itu, kerajaan negeri mengalami kerugian sekitar RM1.6 juta setahun selama dua tahun, tetapi kini tempoh rebat berkenaan sudah berakhir menyebabkan pengurusan UUM

perlu membayar cukai tanah seperti biasa iaitu berjumlah RM1.7 juta.

“Sebenarnya berlaku salah faham kerana tidak dapat membezakan antara rebat dan dinaikkan. Bila sudah habis tempoh (rebat), maka ia (cukai tanah) kembali kepada asal dan keadaan sama juga dikenakan kepada banyak agensi lain yang turut meminta rebat.

“Pengurusan UUM ada menulis surat kepada kerajaan negeri pada 10 Jun 2009 untuk menyambung tempoh rebat, tetapi kita tidak bersetuju dalam mesyuarat kerajaan negeri pada November 2009 menyebabkan mereka perlu membayar nilai cukai tanah asal.

“Mereka (UUM) boleh terus membuat rayuan, tetapi tidak semestinya kita akan luluskan permohonan itu,” katanya.